

# Ringankan beban masyarakat akibat pandemik COVID-19

1,091 keluarga terima bantuan daripada Persatuan Himpunan Ilmuan UMS (HiUMS) sepanjang PKPP

UB 14.12.2020 P.4

**KOTA KINABALU:** Seramai 1,091 keluarga mendapat bantuan berupa keperluan khas makanan daripada Persatuan Himpunan Ilmuan UMS (HiUMS) di sepanjang tempoh PKPP.

Bantuan ini disampaikan dalam CSR Komuniti yang mula dilaksanakan sejak Jun hingga Disember tahun ini.

Presiden HiUMS Prof Madya Dr Abdullah Bade berkata, ia salah satu program CSR Komuniti yang dilaksanakan HiUMS di Kg Lok Batik.

Program itu anjuran bersama Jawatankuasa Masjid At Taubah kampung itu yang dipengerusikan oleh Nooraidi Ahmadin, dan inisiatif yang dilhamkan dengan niat untuk berkongsi rezeki dengan mereka yang memerlukan.

Majlis penutupan program diadakan di perkarangan Masjid At Taubah Kg Lok Batik, Tuaran yang disempurnakan oleh Johari Saiman, Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan Sabah sebagai mewakili Ketua Menteri yang juga ADUN Sulaman Datuk Seri Hajiji Noor.

Turut hadir dalam program berkenaan ialah Pengarah Pusat Kelestarian Libat-sama Masyarakat UMS Dr Jakaria Dasan, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Dr Mohamad Puad Bebit dan Bendahari Kehormat HiUMS

Prof Madya Dr Hasmadi Mamat.

Dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Setiausaha Politiknya, Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor menyambut baik sebarang aktiviti persatuan atau badan bukan kerajaan (NGO) yang prihatin meringankan beban rakyat akibat pandemik COVID-19.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu wajar dilihat sebagai satu bentuk kerjasama di mana pihak yang lain tampil memberi idea malah menterjemahkan idea dalam bentuk bantuan demi menjaga kemashlahatan rakyat.

"Kerajaan yakin dengan adanya keprihatinan pelbagai pihak seperti HiUMS ini akan dapat memastikan setiap rakyat yang benar-benar menghadapi kesukasan

dibantu. Sehubungan itu, usaha murni HiUMS ini wajar dicontohi," katanya.

Di samping itu, Ketua Menteri percaya dengan kepakaran ahli akademik HiUMS menerusi inisiatif penganjuran pelbagai program perkongsian ilmu yang mereka jalankan juga secara langsung dapat memperkasakan pendidikan anak-anak Sabah agar kelak menjadi tunjang kepada kelangsungan pemerikasaan pembangunan negeri Sabah.

Dalam pada itu, Dr Jakaria selaku mewakili UMS dalam ucapannya berkongsi mengenai peranan Pusat Kelestarian Libat-sama Masyarakat yang diterajunya untuk dihubungi lebih lanjut jika komuniti setempat mempunyai idea projek pembangunan sosioekonomi yang

berpotensi.

Proses pengenalpastian kepakaran atau hasil penyelidikan para pensyarah akan dilakukan bagi membantu menyelesaikan sebarang isu kepada projek pembangunan ekonomi rakyat yang diinginkan.

Tambahnya, UMS sentiasa berusaha mendampingi masyarakat bagi memastikan impak ilmu yang dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik UMS dapat membantu membangun sosio-ekonomi masyarakat.


"Usaha Himpunan Ilmuan UMS adalah satu pendekatan pemindahan ilmu berkaitan yang praktikal dalam aspek mengurus kemaslahatan masyarakat menghadapi pandemik COVID-19," katanya.

Selain agihan bantuan

makanan kepada masyarakat kampung di Lok Batik dan lapan buah kampung lain, HiUMS turut komited menyantuni peranan PKLM mengenalpasti potensi kampung-kampung berkenaan untuk dilestarikan pembangunan sosioekonomi yang berpotensi.

Johari Saiman, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri/Menteri Kewangan turut menyanjung usaha UMS (menerusi HiUMS) dalam membantu komuniti setempat, khasnya Kampung Lok Batik dalam menstrategikan semula pembangunan masyarakat kampung berkenaan yang berpusat di Masjid At Taubah, Kg Lok Batik.

Pelbagai mekanisme yang selaras dengan kepesatan teknologi mampu ditransformasikan oleh UMS bagi



**BANTU MASYARAKAT:** Presiden HiUMS Prof Madya Dr Abdullah Bade berucap pada majlis itu.

memastikan masyarakat setempat tidak ketinggalan oleh ledakan teknologi maklumat. Sekaligus, memandu masyarakat

untuk membangun sosioekonomi mereka dengan jayanya. — *Artihel oleh Dr Jakaria Dasan*



**SUMBANGAN:** Penyampaian sumbangan Food Bank.



**RINGKANKAN BEBAN:** Penyampaian sumbangan kepada OKU.